

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim,

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, DATO**

**HUSSEIN ONN, SEMASA MERESMIKAN**

**MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN**

**SRI GADING DI SEKOLAH MENENGAH TUN**

**ISMAIL, PARIT RAJA, BATU PAHAT, PADA**

**HARI SABTU, 3HB. MEI, 1980 - JAM**

**9.30 PAGI**

---

Suasana Mesyuarat Perwakilan UMNO

Bahagian-Bahagian kali ini adalah lebih menarik

kerana pada tahun ini adalah tahun pemilihan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Yang Berhormat Dato Haji Yusa bin Haji Nawawi,  
Ketua Bahagian,

Yang Berhormat,  
Wakil Menteri Besar Johor,

Yang Berhormat Dato Syed Zain Al-Shahab,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Johor,

Yang Berhormat Encik Mohd. Sharif Lassim

Para Perwakilan dan Pemerhati, serta

Hadirin sekalian.

Suasana Mesyuarat Perwakilan UMNO

Bahagian-Bahagian kali ini adalah lebih menarik

kerana pada tahun ini adalah tahun pemilihan

ahli-ahli Jawatankuasa di peringkat Bahagian-Bahagian. Mengikut Perlembagaan UMNO, pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa di Bahagian-Bahagian diadakan dua tahun sekali. Itulah sebabnya pada tiap-tiap kali pemilihan ini diadakan Mesyuarat Perwakilan di Bahagian-Bahagian menjadi rancak dan kadangkala menjadi kecoh sedikit akibat persaingan yang hebat.

2. Syukurlah kita kerana di Bahagian Sri Gading ini suasana aman tenteram serta semangat persefahaman di kalangan perwakilan dan calon-calon yang bertanding, sentiasa wujud disebabkan kematangan ahli-ahli UMNO serta

kebijaksanaan pemimpin-pemimpin di Bahagian ini. Sebagai Wakil Rakyat di kawasan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin dan seluruh ahli UMNO Bahagian Sri Gading, terutamanya kepada Dato Haji Yusa kerana sentiasa menunjukkan contoh tauladan yang baik dan terpuji.

3. Dato Haji Yusa sebagai Ketua Bahagian, telah menunjukkan kepimpinan yang cemerlang dengan menunaikan segala tanggungjawab dan tugas-tugasnya mengikut hasrat dan kehendak rakyat khususnya ahli-ahli UMNO di kawasan ini.

la telah melaksanakan kewajipan ini dengan penuh semangat kesetiaan dan dedikasi, dengan mengutamakan kepentingan parti lebih dari kepentingan dirinya. Saya menyanjung tinggi semangat pengorbanannya terutama dalam beberapa tahun ini.

4. Dalam tahun 1978, Dato Haji Yusa telah mengundur diri dari dicalunkan untuk bertanding dalam Pilihanraya Majlis Undangan Negeri dengan tujuan hendak memberi peluang kepada pemimpin yang telah sama-sama lama berjuang. Dalam pemilihan Ketua Bahagian kali ini, Dato Haji Yusa telah mengundurkan diri

secara sukarela bagi membolehkan seorang yang lebih muda mengendalikan pucuk pimpinan dan pentadbiran parti di Bahagian ini.

5. Sesungguhnya, sikapnya yang berpan-dangan jauh, sifatnya yang mulia dan berhemah tinggi dengan sentiasa meletakkan kepentingan parti dan perpaduan ahli-ahli lebih utama dari kepentingan diri yang di tunjukkan oleh Dato Yusa itu, sewajarnya menjadi contoh yang baik kepada lain-alin pemimpin UMNO. Semangat pengorbanan Dato Haji Yusa ini, memanglah tidak ada tolok bandingnya dalam perjuangan UMNO,

baik di zaman ini mahupun di masa-masa yang lalu. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepadanya. Marilah kita mendoakan Dato Haji Yusa berjaya dalam tugasnya yang baru serta bekerjasama dengannya semoga mesyuarat Perwakilan kita pada hari ini dapat berjalan dengan licin dan sempurna.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Semasa meresmikan Mesyuarat Perwakilan Bahagian ini pada tahun yang lalu, saya telah mengumumkan mengenai penubuhan sebuah Jawatankuasa petugas untuk mengkaji serta

mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di kawasan Sri Gading dan seterusnya membuat perancangan baru bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran penduduk-penduduk. Diantara tugas-tugas yang telah diselenggarakan ialah kajian kesuburan tanah di atas kawasan seluas hampir 50 ribu ekar. Sebanyak 11 jenis tanah yang telah dapat dicam-kesan sebagai sesuai untuk tanaman getah, kelapa dan kelapa sawit, koko, dusun, padi dan rumput makanan ternakan lembu. Kajian ini dijalankan oleh Kementerian Pertanian.

7. Pusat Daya Pengeluaran Negara telah juga menjalankan satu kajian mengenai peniaga-peniaga kecil disamping menentukan kedudukan industri-industri dalam kawasan Sri Gading. Hasil dari kajian ini, satu langkah sedang diambil bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam usaha hendak meningkatkan lagi perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil yang sedang dijalankan di kawasan ini sekarang. Langkah ini termasuklah mengadakan khidmat nasihat dan khidmat perunding, menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bantuan pinjaman kewangan serta membina ruang niaga.

8. Penyertaan sektor swasta memanglah penting bagi menjayakan usaha ini. Sebuah penal telah ditubuhkan, yang dianggotai oleh 4 buah bank perdagangan, Syarikat Jaminan Kredit, MARA, Pernas Edar dan beberapa buah agensi Kerajaan yang lain. Penal ini diketuai oleh Pegawai Daerah Batu Pahat dan dibantu oleh Pegawai Daerah Kluang. Saya percaya melalui proses ini, maka akan bertambahlah bilangan projek-projek perniagaan dan perusahaan di kawasan Sri Gading disamping dapat dipertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan yang sedang dijalankan.

maka kadar pengiraan penduduk ...10/-

9. Saya difahamkan bahawa dua buah syarikat letronik antarabangsa telah menunjukkan minat untuk membina kilang di Kawasan Perindustrian baru Parit Raja. Jika diluluskan dan dipersetujui tiap-tiap satu daripada kilang ini akan dapat menyediakan dua ribu peluang pekerjaan. Saya percaya bahawa peluang-peluang pekerjaan di kilang-kilang ini akan dapat menambahkan pendapatan keluarga bagi penduduk di kawasan ini, khususnya bagi penduduk-penduduk Parit Raja. Saya harap dengan bertambahnya bilangan kilang dan industri di kawasan-kawasan luar bandar, maka kadar penghijrahan penduduk dari kampung-

dalam bidang ini juga memberi peluang kepada kampung ke bandar-bandar akan dapat juga dipertingkatkan tempatan diarah dan memperkembangkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Kerajaan memanglah menggalakkan penubuhan industri dan kilang, terutamanya yang berasaskan pertanian. Perusahaan perkilangan ini diarahkan untuk ekspot ini, bukan sahaja dapat memperoses bahan-bahan pertanian tempatan yang dikeluarkan oleh pendudukpenduduk kampung, bahkan dapat menambahkan bilangan peluang pekerjaan bagi rakyat jelata, terutamanya belia-belia. Perkembangan

mereka dengan kemahiran-kemahiran ...12/-

dalam bidang ini juga memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan dilatih dan mempelajari bidang kerja kemahiran. Saya menggesa pengusaha-pengusaha supaya menjalankan program latihan kemahiran yang sempurna dan tersusun bagi membolehkan pekerja-pekerja tempatan mengambil-alih kerja-kerja kemahiran yang sekarang ini dikelolakan oleh orang-orang dari luar negeri.

11. Pemindahan teknologi ini amatlah penting dalam usaha kita hendak memesatkan lagi perkembangan perindustrian secara besar-besaran. Belia-belia kita hendaklah melengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran teknologi perindustrian dan perkilangan moden supaya

mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah dalam perkembangan bidang ini. Saya sukalah mengingatkan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberi peluang bekerja di bidang-bidang kemahiran tertentu, hendaklah sentiasa berusaha serta bekerja dengan tekun supaya mereka dapat mendalami pengetahuan kemahiran bidang yang ditugaskan kepada mereka itu. Pemindahan pengetahuan teknologi dalam bidang perindustrian oleh pengusaha-pengusaha dan kilang-kilang ini hendaklah dijalankan secara berperingkat-peringkat dalam masa yang tertentu. Proses ini adalah penting sebagai membantu usaha kita memesatkan perkembangan perindustrian di negara kita.

12. Kerajaan akan terus berusaha untuk menarik minat pelabor-pelabor luar negeri dan juga dalam negeri supaya menubuhkan industri-industri di negara kita. Disamping itu, <sup>insentif</sup>intensif dan kemudahan akan terus dilanjutkan kepada perusahaan dan kilang-kilang yang sedia ada supaya mengembang dan meningkatkan projek dan industri-industri mereka. Tujuannya ialah supaya dapat menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan. Selain dari usaha ini Kerajaan-Kerajaan Negeri juga digalakkan mengirinkan rombongan-rombongan ke negara-negara maju diluar negeri secara berasingan supaya mereka

dapat menerangkan sendiri mengenai insentif dan kemudahan-kemudahan yang ada disediakan di negeri-negeri masing-masing.

13. Saya difahamkan bahawa perkembangan sektor perindustrian telah menunjukkan kemajuan yang amat menggalakkan. Pada tahun 1977 terdapat sebanyak 400 projek perindustrian yang telah diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA, dengan modal pelaburan berjumlah \$882.6 juta. Projek ini dapat mewujudkan sebanyak hampir 30 ribu peluang pekerjaan.

Bilangan ini telah meningkat bagi tahun 1978, di mana sebanyak 428 projek telah diluluskan,

melibatkan modal pelaburan sejumlah \$1.1 ~~ibu~~ juta. Hampir 37 ribu peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan.

14. Pada tahun lalu, MIDA telah meluluskan 484 projek perindustrian, dengan modal pelaburan berjumlah hampir \$4.6 ribu juta. Projek-projek ini dijangka dapat mewujudkan sebanyak lebih 53 ribu peluang pekerjaan. Diantara industri-industri yang diluluskan termasuklah pengilangan barang-barang makanan, barang-barang letrik dan letronik, barang-barang kimia dan barang-barang getah. Sungguhpun keadaan ekonomi dunia pada keseluruhannya tidak begitu menggalakkan, Malaysia akan meneruskan usaha-usahanya bagi membawa

lebih banyak lagi modal dari luar negeri melaborkan  
di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Jumlah pelaburan dari sektor swasta  
yang diperlukan bagi pelaksanaan Rancangan  
Malaysia Ketiga ialah \$13.7 ribu juta berbanding  
dengan \$9.2 ribu juta di bawah Rancangan Malaysia  
Kedua. Keperluan ini sudah semestinya meningkat

di bawah Rancangan Malaysia Ke empat. Saya

16. Sebagaimana selalu ditegaskan dan dijelaskan  
menggesa Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya terus

meningkatkan usaha bagi menyediakan segala

kemudahan yang boleh menarik pemodal-pemodal

dan pengusaha-pengusaha luar negeri. Disamping itu Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam negeri, terutamanya tabungan am dari orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain. Penglibatan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra dalam bidang ini adalah penting bagi membolehkan matalamat penyertaan dan kepunyaan 30% dalam bidang perdagangan dan perusahaan dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan.

16. Sebagaimana selalu ditegas dan dijelaskan bahawa kejayaan Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya kejayaan pelaksanaan Rancangan-Rancangan Malaysia Lima Tahun bergantung kepada kedudukan ekonomi

yang kukuh dan berkembang serta keadaan keselamatan dan politik negara yang stabil.

Perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dapat menjamin kestabilan keselamatan dan politik, yang boleh menjadi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi negara yang pesat. Sesungguhnya, perpaduanlah yang menjadi faktor utama bagi meningkatkan kegiatan ekonomi disamping pada masa yang sama juga dapat mengekalkan kestabilan keselamatan dan politik negara.

17. Perkembangan kegiatan ekonomi dan kemajuan pembangunan negara akan terbantut jika

keselamatan kita terancam. Kerajaan sentiasa menitekberatkan hal-hal keselamatan dan oleh kerana itu usaha-usaha sedang diambil bagi mengukuhkan lagi kekuatan dan kelengkapan pasukan-pasukan tentera dan polis kita. Walau bagaimanapun rakyat perlu juga bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam bidang keselamatan dan pertahanan negara. Mereka hendaklah melibatkan diri serta menyertai dalam pasukan-pasukan pertahanan sukarela tempatan, seperti Rela dan Rukun Tetangga. Kejayaan pasukan-pasukan sukarela ini telah membuktikan hasil yang sangat

berkesan dalam menentang kegiatan jenayah serta anasir-anasir subversif dan anti-nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Sebagai sebuah parti politik yang terbesar di tanahair dan juga sebagai parti yang mendukung Kerajaan, UMNO mestilah berupaya membangkitkan kesedaran rakyat jelata di atas tanggungjawab ini. Kita tidaklah boleh semata-mata membebankan kewajipan ini kepada pasukan keselamatan. Di samping membangkitkan kesedaran ini, pemimpin dan ahli-ahli UMNO di semua peringkat hendaklah sentiasa mendampingi dan mendekati rakyat jelata.

Dengan cara ini, selain dari dapat mengetahui di atas masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang miskin dan golongan yang berpendapatan rendah, kita juga dapat menerangkan kepada rakyat mengenai tujuan dasar dan rancangan Kerajaan serta langkah dan tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

19. Pendekatan seperti ini adalah penting supaya rakyat sentiasa memahami tujuan suci perjuangan UMNO serta dengan seberapa yang boleh mempengaruhi mereka menyertai perjuangan kita.

Dengan bertambahnya bilangan rakyat melibatkan

diri dalam kegiatan-kegiatan UMNO maka semakin kukuhlah kekuatan parti kita. Memang terdapat besar lagi bilangan rakyat jelata yang tidak lagi menjadi ahli mana-mana parti politik. Sungguhpun seruan-seruan selalu dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita, menggesa bijakpandai dan intelek jenerasi muda Melayu supaya menyertai perjuangan parti kita, UMNO masih lagi memerlukan, dan mestilah terus berusaha untuk mendapatkan, sokongan dan penyertaan penduduk-penduduk kawasan luar bandar dan gulungan-gulungan yang berpendapatan rendah.

...24/-

20. Sememangnya matalamat utama parti adalah untuk memperjuangkan nasib masa depan rakyat yang miskin di kampung-kampung dan gulungan yang berpendapatan rendah di bandar-bandar. Oleh kerana itu, keahlian parti kita mestilah sentiasa mencerminkan gulungan rakyat semua peringkat dan lapisan. Dengan wujudnya keadaan ini, maka ia akan memberi erti yang lebih bermakna kepada hakikat bahawa UMNO sebenar-benarnya merupakan parti politik yang dipunyai oleh rakyat, mewakili rakyat, dan memperjuangkan hasrat dan cita-cita rakyat. Memang inilah landasan dan asas perjuangan parti kita dan sesiapa juga yang telah dipilih atau

akan dipilih untuk memimpin UMNO, mestilah faham di atas hakikat ini.

21. Berbalik kita kepada Mesyuarat Perwakilan ini, saya sentiasa mengharapkan agar tiap-tiap persidangan perwakilan UMNO di Bahagian-Bahagian hendaklah menghasilkan sesuatu keputusan yang bernas yang boleh membawa faedah kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara. Sebagai Wakil Rakyat bagi Kawasan ini saya sentiasa menyokong apajua langkah dan tindakan yang melambangkan hasrat dan cita-cita rakyat, dan akan membantu ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian ini untuk memperolehi kemajuan dan kejayaan yang lebih tinggi demi

kepentingan dan kebajikan rakyat serta penduduk di Kawasan Sri Gading.

22. Akhirnya, saya mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian Sri Gading dan semua cawangan-cawangan, di atas kerjasama yang telah mereka berikan kepada saya selama ini. Tidak syak lagi bahawa sumbangan mereka itu telah meringankan lagi beban dan tanggungjawab saya dalam kawasan ini khasnya. Kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang baru dipilih di cawangan-cawangan dan yang akan dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan ini, saya


menggesa mereka supaya jangan mengabaikan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepada mereka. Mereka mestilah menyanjung tinggi kepercayaan dan keyakinan yang telah diberikan oleh ahli-ahli.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

22. Dengan pesanan dan ingatan ini, maka saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading ini, dibuka dengan resminya.

Wabillahi Taufik - Wal-hidayah,

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.





No Siri	478
No Penerimaan	91/81